



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I – SESSION 2020 / 2021
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDSA0053
KOD KURSUS

COURSE NAME : PRINSIP PERAKAUNAN
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : PENGUKUHAN
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 3 HOURS (INCLUDING SUBMISSION HOUR)
TEMPOH : 3 JAM (TERMASUK MASA PENGHANTARAN)

DATE : NOVEMBER 2020
TARIKH

INSTRUCTION / ARAHAN:

1. Answer **ALL** questions and write your answers on the answer sheet.
*Jawab **SEMUA** soalan dan tulis jawapan anda pada kertas jawapan.*
 2. Write your name, matric no., identity card no., course code, course name, section no. and lecturer's name on the first page (in the upper left corner) and every page thereafter on the answer sheet.
Tulis nama anda, no. matrik, no. kad pengenalan, kod kursus, nama kursus, no. seksyen dan nama pensyarah pada muka surat pertama (penjuru kiri atas) kertas jawapan dan pada setiap muka surat jawapan.
 3. Each answer sheet must have a page number written at the bottom right corner.
Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat pada bahagian bawah penjuru kanan.
 4. Answers should be handwritten, neat and clear.
Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas menggunakan huruf cerai.
-

WARNING / AMARAN

Students caught copying / cheating during the examination will be liable for disciplinary actions and the faculty may recommend the student to be expelled from sitting for exam.
Pelajar yang ditangkap meniru / menipu semasa peperiksaan akan dikenakan tindakan disiplin dan pihak fakulti boleh mengesyorkan pelajar diusir dari menduduki peperiksaan.

This examination paper consists of **10** pages including the cover.
*Kertas soalan ini mengandungi **10** muka surat termasuk kulit hadapan.*

ONLINE EXAMINATION RULES AND REGULATIONS
PERATURAN PEPERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN

1. Student must carefully listen and follow instructions provided by invigilator.
Pelajar mesti mendengar dan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengawas peperiksaan dengan teliti.
2. Student is allowed to start examination only after confirmation of invigilator if all needed conditions are implemented.
Pelajar dibenarkan memulakan peperiksaan hanya setelah pengesahan pengawas peperiksaan sekiranya semua syarat yang diperlukan telah dilaksanakan.
3. During all examination session student has to ensure, that he is alone in the room.
Semasa semua sesi peperiksaan pelajar harus memastikan bahawa dia bersendirian di dalam bilik.
4. During all examination session student is not allowed to use any other devices, applications except other sites permitted by course lecturer.
Sepanjang sesi peperiksaan pelajar tidak dibenarkan menggunakan peranti dan aplikasi lain kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah kursus.
5. After completing the exam student must inform invigilator via the set communication platform (eg. WhatsApp etc.) about completion of exam and after invigilator's confirmation leave examination session.
Selepas peperiksaan selesai, pelajar mesti memaklumkan kepada pengawas peperiksaan melalui platform komunikasi yang ditetapkan (contoh: Whatsapp dan lain-lain) mengenai peperiksaan yang telah selesai dan meninggalkan sesi peperiksaan selepas mendapat pengesahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Any technical issues in submitting answers online have to be informed to respective lecturer within the given 30 minutes. Request for re-examination or appeal will not be entertain if complains are not made by students to their lecturers within the given 30 minutes.
Sebarang masalah teknikal dalam menghantar jawapan secara dalam talian perlu dimaklumkan kepada pensyarah masing-masing dalam masa 30 minit yang diberikan. Permintaan untuk pemeriksaan semula atau rayuan tidak akan dilayan sekiranya aduan tidak dibuat oleh pelajar kepada pensyarah mereka dalam masa 30 minit yang diberikan.
7. During online examination, the integrity and honesty of the student is also tested. At any circumstances student is not allowed to cheat during examination session. If any kind of cheating behaviour is observed, UTM have a right to follow related terms and provisions stated in the respective Academic Regulations and apply needed measures.
Semasa peperiksaan dalam talian, integriti dan kejujuran pelajar juga diuji. Walau apa pun keadaan pelajar tidak dibenarkan menipu semasa sesi peperiksaan. Sekiranya terdapat sebarang salah laku, UTM berhak untuk mengikuti terma yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik.

Excerpts from online final exam guidelines
Petikan daripada panduan peperiksaan akhir dalam talian
Universiti Teknologi Malaysia

Jawab SEMUA soalan.

[JUMLAH 100 markah]

BAHAGIAN A

Soalan Aneka Pilihan. Pilih jawapan yang betul untuk setiap soalan berikut:

1. Apakah kaedah yang digunakan untuk mencatat debit dan kredit untuk setiap transaksi?
 - a) Sistem bergu
 - b) Berhati-hati
 - c) Pengakruan
 - d) Ketekalan

2. Konsep _____ menerangkan tentang perbelanjaan haruslah dikenalpasti di dalam tempoh perakaunan yang sama dengan hasil.
 - a) ketekalan
 - b) pepadanan
 - c) wang sebagai ukuran
 - d) pengakruan

3. Perniagaan dipisahkan dan boleh dibezakan dari pemiliknya. Ini adalah konsep _____.
 - a) catatan bergu
 - b) kos sejarah
 - c) wang sebagai ukuran
 - d) entiti berasingan

4. Konsep _____ diaplikasi ketika mana perniagaan membeli syarikat baru dengan andaian bahawasanya syarikat itu akan beroperasi untuk tahun-tahun hadapan.
 - a) badan berterusan
 - b) catatan bergu
 - c) kos sejarah
 - d) berhati-hati

5. Konsep _____ diaplikasi ketika mana maklumat di dalam penyata kewangan dinyatakan dalam bentuk wang.
 - a) ketekalan
 - b) berterusan
 - c) wang sebagai ukuran
 - d) tempoh perakaunan

6. Sebuah perniagaan membeli sebidang tanah bernilai RM10,000 sepuluh tahun yang lalu. Walaupun harga pasaran sekarang meningkat kepada RM20,000, tanah tersebut direkod dalam buku perniagaan pada nilai RM10,000. Perniagaan itu mematuhi konsep _____.
- a) kos sejarah
 - b) materialiti
 - c) ketekalan
 - d) entiti berasingan
7. Konsep _____ menganggarkan bahawa penyata kewangan disediakan dalam satu tempoh masa, kebiasaannya setahun.
- a) pemadanan
 - b) ketekalan
 - c) kos sejarah
 - d) tempoh perakaunan
8. Berikut merupakan persamaan asas perakaunan.

$$Q = \text{Liabiliti} + \text{Ekuiti pemilik}$$

Apakah contoh bagi elemen Q?

- a) Pinjaman bank
 - b) Modal
 - c) Jualan
 - d) Kenderaan
9. Berikut merupakan butiran daripada Zul Arif Sdn. Bhd.

Aset (debit)	RM	3,547
Liabiliti (kredit)	RM	1,055
Ekuiti pemilik	RM	x

Berapakah nilai x?

- a) RM 2,492 debit
- b) RM 4,602 debit
- c) RM 2,492 kredit
- d) RM 4,602 kredit

10. Berikut merupakan senarai baki-baki yang diambil daripada Syarikat Akim.

Kereta	RM	75,000
Tunai di tangan	RM	500
Bank	RM	33,000
Modal	RM	20,000
Pemiutang	RM	2,345
Penghutang	RM	1,500

Berdasarkan maklumat di atas, hitung jumlah aset.

- a) RM 108,500
- b) RM 110,000
- c) RM 128,500
- d) RM 132,345

11. Berikut merupakan butiran daripada Ayda.

Aset	RM	115,000
Liabiliti	RM	?
Ekuiti pemilik	RM	50,000

Berdasarkan maklumat di atas, cari nilai bagi liabiliti.

- a) Liabiliti semasa RM 7,000, liabiliti bukan semasa RM 58,000.
- b) Liabiliti semasa RM 65,000, liabiliti bukan semasa RM 100,000.
- c) Liabiliti semasa RM 65,000, liabiliti bukan semasa RM 65,000.
- d) Liabiliti semasa RM 165,000, liabiliti bukan semasa RM 165,000.

12. Antara yang berikut, yang manakah mewakili liabiliti?

- a) Caj bank
- b) Pemiutang
- c) Belian
- d) Komputer

13. Berikut merupakan senarai baki-baki yang diambil daripada Khai Bahar.

Kereta	RM	75,000
Tunai di tangan	RM	500
Bank	RM	33,000
Modal	RM	20,000
Pemiutang	RM	2,345
Pinjaman bank	RM	12,500

Berdasarkan maklumat di atas, hitung jumlah liabiliti.

- a) RM 14,845
 - b) RM 12,500
 - c) RM 2,345
 - d) RM 45,845
14. Antara yang berikut, yang manakah mewakili hasil?
- a) Gaji
 - b) Insurans
 - c) Stok
 - d) Sewa diterima
15. Kaedah garis lurus telah digunakan oleh Puteri Sdn. Bhd. untuk mensusutnilaikan aset tetap sejak lima tahun yang lalu. Syarikat tersebut mengamalkan konsep _____
- a) materialiti
 - b) ketekalan
 - c) kos sejarah
 - d) tempoh perakaunan

(Jumlah 15m)

BAHAGIAN B

1. Pada 1 Oktober 2020 Amelia telah memulakan Amy Boutique. Sepanjang bulan Oktober 2020 urusniaga adalah seperti berikut:

- i. Memulakan perniagaan dengan tunai di tangan RM4,000 dan tunai di bank RM5,000.
- ii. Membeli inventori fabrik RM11,000 secara kredit daripada Jamie Silk Enterprise.
- iii. Pemilik mengeluarkan cek RM340 untuk membayar insurans peribadi.
- iv. Membayar Jamie Silk Enterprise RM3,000 dengan tunai dan RM4,000 dengan cek
- v. Tunai RM1,000 dimasukkan ke dalam bank.
- vi. Membayar gaji dengan cek RM1,000.

Dikehendaki:

Tunjukkan kesan setiap transaksi pada persamaan perakaunan menggunakan format jadual berikut:

Urusniaga	Aset			Ekuiti pemilik + Liabiliti			
	Inventori	Bank	Tunai	Modal	Untung bersih	Ambilan	Pemiutang

(Jumlah 15m)

2. Maklumat berikut diambil daripada buku catatan Khyril Enterprise untuk Oktober 2020:

Tarikh 2020	Butiran	RM	RM	Baki RM
Okt 1	Baki			6,480
2	Cek 317433	1,000		5,480
6	Deposit		886	6,366
6	Cek 317434	750		5,616
10	Pindahan Kredit		1,290	6,906
13	Cek 317435	500		6,406
18	Cek 317436	1,960		4,446
18	Cek Tempatan		2,140	6,586
22	Dividen		530	7,116
26	Deposit		1,210	8,326
28	Cek 317437	850		7,476
31	Caj Bank	10		7,466

BUKU TUNAI KHYRIL ENTERPRISE						
Tarikh	Butiran	Jumlah	Tarikh	Butiran	No. Cek	Jumlah
1-Oct	Baki b/b	5,480	3-Oct	Belian	317434	750
4-Oct	Jualan	886	8-Oct	Sewa	317435	500
7-Oct	Nasha	1,290	16-Oct	Wilson Company	317436	1,690
14-Oct	Prima	2,140	22-Oct	Beta Company	317437	850
25-Oct	Jualan	1,210	26-Oct	Alan Company	317438	1,240
29-Oct	Liam	800	28-Oct	Insurans	317439	250
30-Oct	Sizzles	1,800	31-Oct	Baki h/b		8,326
		13,606				13,606

Dikehendaki:

- a) Sediakan pelarasan bagi buku tunai. **(5m)**
- b) Sediakan penyata penyesuaian bank pada 31 Oktober 2020 **(5m)**
(Jumlah 10m)
3. Pada 1 Oktober 2020, Ashraff memulakan perniagaan dengan modal RM30,000. Beliau memasukkan wang tunai RM28,500 ke dalam bank dan bakinya disimpan untuk urus niaga harian. Sepanjang bulan Oktober 2020, urus niaga berikut telah berlaku.

- Oktober 1 Beli sebuah komputer secara kredit bernilai RM4,760 daripada Syarikat PC untuk kegunaan perniagaan.
- 2 Beli barang berharga RM2,750 secara kredit daripada Pemborong Lias.
- 3 Beli mesin daftar tunai dengan cek RM1,320 untuk perniagaannya.
- 7 Sebuah kipas lama bernilai RM65 dibawa masuk oleh peniaga untuk kegunaan syarikat.
- 8 Terima invoice daripada Syarikat Teraju untuk barang berharga RM2,460 pada harga senarai dan menerima diskaun niaga 5%.
- 9 Membayar Syarikat PC dengan cek dan menerima diskaun 5%.
- 12 Mengambil barang bernilai RM280 untuk kegunaan sendiri.

- 15 Jual barang berharga RM875 kepada Azizi dan RM468 kepada Azrizal secara kredit.
- 18 Hantar nota kredit bernilai RM68 kepada Azrizal.
- 26 Terima nota kredit daripada:
- | | |
|-----------------|-------|
| Pemborong Lias | RM150 |
| Syarikat Teraju | RM300 |
- 27 Menghantar invois kepada Helmi untuk barang yang dibekalkan pada harga senarai RM1,460 dan memberi diskaun niaga sebanyak 10%.
- 28 Azizi menjelaskan hutangnya secara penuh dengan membayar cek RM850 dan menerima diskaun.
- 29 Membayar sewa kedai RM520 secara tunai
- 30 Membeli alat tulis sebanyak RM80 secara tunai.

Dikehendaki:

Merekodkan semua urusan niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai bagi bulan Oktober 2020.

(Jumlah 30m)

4. Berikut adalah senarai baki-baki akaun daripada rekod Fatzura Enterprise pada 30 Jun 2020.

	Dr (RM)	Cr (RM)
Modal		34,694
Deposit Tetap	3,750	
Jentera	8,400	
Perabot dan Lengkapan	4,140	
Belian / Jualan	92,337	126,645
Ambilan	360	
Pulangan	375	201
Diskaun Diberi / Diterima	402	18
Angkutan keluar	656	
Percetakan dan Alatulis	630	

Belanja Kenderaan	780	
Angkutan Masuk	528	
Faedah atas Simpanan Tetap		375
Sewa Diterima		1,125
Air dan Elektrik	3,765	
Belanja Insurans	1,200	
Gaji dan Upah	8,090	
Belanja Am	441	
Pinjaman dari Bank MBB		12,000
Tunai di Bank	1,884	
Inventori Awal	9,897	
Penghutang Niaga / Pemiutang Niaga	24,828	11,405
Premis	24,000	
	186,463	186,463

Maklumat tambahan:

Inventori akhir pada 30 Jun 2020 bernilai RM7,575.

Dikehendaki:

- a) Sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. **(20m)**
- b) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020. **(10m)**
(Jumlah 30m)

- END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT] -